

D.R. 33/95

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.

2. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah dipinda dalam seksyen 44— Pindaan seksyen 44. Akta 530

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) proviso berikut:

" Provided that the consultation shall not be necessary where the land within a group settlement area does not constitute a Federal Development area."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas Rang Undang-Undang ini.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 44 Akta dengan memasukkan satu proviso bagi memperuntukkan bahawa adalah tidak perlu bagi Pihak Berkuasa Negeri berunding dengan Menteri untuk menamatkan keseluruhan atau bahagian mana-mana kawasan penempatan berkelompok jika tanah di dalamnya tidak merupakan kawasan Pembangunan Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1871.]